

Semua Yang di-Pertua,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret,
Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia.

Semua Penolong Kanan Pendaftar/
Penolong Pendaftar,
Mahkamah Persekutuan/Mahkamah Tinggi,
Malaya.

Pekeliling Pendaftar No. (U) 4 Tahun 1981

Sixth Malaysian Law Conference

Adalah saya telah diarah untuk memaklumkan tuan/puan bahawa persidangan yang tersebut di atas yang dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia akan diadakan pada 17hb. hingga 19hb. Ogos, 1981 di Kuala Lumpur. Sekiranya peguam-peguam meminta supaya kes-kes mereka tidak ditetapkan pada tarikh-tarikh tersebut atas alasan bahawa mereka akan menghadziri persidangan itu, kebenaran hendaklah diberi kepada permintaan itu. Sekiranya kes-kes telah ditetapkan dan peguam-peguam yang terlibat di dalam kes-kes itu meminta kes-kes tersebut ditangguhkan atas alasan yang sama, kebenaran hendaklah diberikan jua. Permintaan untuk menangguhkan kes-kes itu hendaklah dibuat dengan segera. Permohonan penangguhan yang dibuat pada saat-saat yang akhir bolehlah ditolak.

2. Kerjasama peguam-peguam adalah diminta dalam perkara ini untuk memaklumkan kepada mahkamah samada mereka bercadang untuk menghadziri

persidangan tersebut pada masa tarikh perbicaraan hendak ditetapkan, dan sekiranya telah ditetapkan, untuk membuat permohonan penangguhan kes-kes tersebut dengan segera.

Sd: (SITI NORMA YAAKOB)

Ketua Pendaftar.

s.k.

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan, K.L.;
2. Y.A.M. Hakim Besar, Malaya, Mahkamah Tinggi, K.L.
3. Y.A. Hakim Besar, Borneo, Mahkamah Tinggi, Kuching, Sarawak;
4. Y.A. Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Malaysia, K.L.;
5. Y.A. Hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Malaya, K.L.;
6. Y.B. Peguam Negara, Malaysia, Jabatan Peguam Negara, K.L.;
7. Y.B. Peguamcara Negara, Malaysia, K.L.;
8. Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Sibil, Jabatan Peguam Negara, K.L.;
9. Peguam Kanan Persekutuan, Bahagian Jenayah, Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur;
10. Semua Penasihat Undang-undang Negeri, Semenanjung Malaysia;
11. Pendaftar, mahkamah Tinggi, Borneo, Kuching, Sarawak;
12. Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu, Sabah;
13. Semua Timbalan Pendakwa Raya, Semenanjung Malaysia;
14. Chairman, Bar Council, Malaysia,
Lot 5.55, 5th Floor, Wisma Central,
Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
15. Secretary, State Bar Committee, Semenanjung Malaysia;
16. Editor, INSAF,
c/o Bar Council, Malaysia,
Lot 5.55, 5th Floor, Wisma Central,
Jalan Ampang, Kuala Lumpur.